

PENGURUSAN KAWALAN POKOK MENUMPANG

Pokok Menumpang

Pokok menumpang adalah tumbuhan-tumbuhan yang tumbuh tegak, memanjat ataupun menjalar di atas batang pokok tanaman. Ia mungkin tumbuhan parasit yang boleh merosakkan tanaman atau daripada tumbuhan yang hanya tumbuh di atas batang.

Objektif Pengurusan Pokok Menumpang:

- (a) Elakkan tumbuhan menumpang melindungi penglihatan terhadap tandan masak di atas pokok semasa penuaian.
- (b) Elakkan tumbuhan parasit yang tumbuh di atas batang pokok dan boleh mendatangkan mudarat kepada tanaman.

Cara-cara Pengurusan Pokok Menumpang:

- (a) Jenis pokok menumpang pada batang pokok kelapa sawit yang perlu dikawal: Pokok ara, pokok memanjat/ menjalar.
- (b) Kawasan sejauh satu kaki atau 30 centimeter (cm) di bawah daun terakhir pada pokok sawit perlu bebas daripada pokok menumpang supaya buah kelapa sawit masak boleh dinampak oleh pemotong buah.
- (c) Cara mengawal pokok menumpang: sapu racun dan serapan racun

(A) Kawalan secara Sapu Racun

Senarai alatan keselamatan untuk meracun pokok menumpang, contohnya pokok ara:

- 1- Apron
- 2- Sarung tangan getah (nitril)
- 3- Cermin mata keselamatan
- 4- Topi keledar keselamatan
- 5- Kasut keselamatan
- 6- Pelitup mulut dan hidung
- 7- Baju lengan panjang & seluar panjang

Bahan kimia yang diperlukan untuk meracun pokok menumpang, contohnya pokok ara:

- 1- triclopyr (Garlon[®], dan lain-lain)
- 2- Diesel

Alat yang diperlukan untuk meracun pokok menumpang, contohnya pokok ara:

- 1- Berus cat
- 2- Balang sukatan
- 3- Batang kayu sambungan panjang (untuk mengikat berus)
- 4- Bekas bancuhan bahan kimia
- 5- Pengacau campuran bahan kimia.

Kaedah meracun pokok menumpang, contohnya pokok ara secara sapu:

Contoh bancuhan menggunakan 1 liter racun Garlon®

Kadar racun Garlon® kepada diesel = 1: 18

- 1- Diesel yang diperlukan atau disyorkan adalah sebanyak 18 liter.
- 2- Campurkan racun Garlon® dengan diesel dengan kadar disyorkan diatas. Selepas itu kacaukan kedua-dua bahan tersebut.
- 3- Seterusnya rendam kepala berus ke dalam campuran racun dan sapukan di kawasan keliling ukur lilit batang pokok menumpang.

(B) Kawalan secara serapan racun

Senarai alatan keselamatan untuk meracun pokok menumpang, contohnya pokok ara secara serapan:

- 1- Apron
- 2- Sarung tangan
- 3- Cermin mata keselamatan
- 4- Topi keledar keselamatan
- 5- Kasut keselamatan
- 6- Pelitup mulut dan hidung
- 7- Baju lengan panjang dan seluar panjang

Bahan kimia yang diperlukan untuk meracun pokok menumpang, contohnya pokok ara secara serapan:

- 1- glyphosate (Roundup®, Ken Up™, dan lain-lain)

Alat yang diperlukan untuk meracun pokok menumpang, contohnya pokok ara secara serapan:

- 1- Bag plastik askrim/ kecil
- 2- Tali plastik

- 3- Gunting/ parang
- 4- Balang sukatan

Kaedah Meracun Pokok Menumpang, contohnya pokok ara Secara Serapan:

- i) Kenalpasti akar pokok ara yang besar.
- ii) Potong bahagian bawah akar.
- iii) Masukkan 20ml racun glyphosate IPA 41% (contoh Roundup®) ke dalam beg plastik.
- iv) Rendamkan akar yang dipotong dalam beg plastik yang telah diisi racun.
- v) Ikat hujung terbuka beg plastik bersama akar yang direndam dengan tali plastik.



Gambar 1. Pokok ara tumbuh di atas batang pokok sawit



Gambar 2. Contoh pokok memanjak yang tumbuh di atas batang sawit boleh menghalang pemotong buah daripada melihat di mana buah yang masak